

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HJ
NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status Pusat Hemodialisis Lenggong.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan soalan nombor 193 yang menyentuh tentang perkara yang sama, iaitu pertanyaan daripada:

- i. **Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan terkini peruntukan bagi mewujudkan pusat dialisis di Parlimen Sibuti dan adakah cadangan pusat dialisis ditempatkan di Sepupok, Niah telah mendapat kelulusan pihak Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia amat prihatin dengan keperluan rakyat yang tinggal jauh dari hospital yang menyediakan perkhidmatan hemodialisis seperti di Lenggong Perak. Pada masa ini terdapat 23 pesakit di Lenggong yang menerima perkhidmatan hemodialisis di Hospital Kuala Kangsar (48 km dari Lenggong) dan Hospital Gerik (53 km dari Lenggong).

Menyedari akan keperluan perkhidmatan hemodialisis di Lenggong, pihak Kementerian Kesihatan telah mengutamakan pembangunan perkhidmatan dialisis di Klinik kesihatan Lenggong. Bangunan Klinik Kesihatan Lenggong yang lama telah dikenalpasti bagi tujuan ini.

Perkhidmatan hemodialisis akan dibangunkan Klinik Kesihatan Batu Niah. Sejumlah RM968,250.00 telah diperuntukkan bagi tujuan ini. Ketika ini, projek masih dalam peringkat penyediaan spesifikasi dan lukisan pelan pembinaan dan dijangka akan beroperasi pada awal tahun hadapan.